

BULETIN

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

VOL 1 | ISU 4

OKTOBER - DISEMBER 2022



**Akademi Profesor
MALAYSIA**

**BULETIN RASMI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA**

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	3
Kata Alu-Aluan Presiden	4
Jaringan (Kunjungan Hormat: YB Menteri Sains, Teknologi & Inovasi)	5
Jaringan (Perjumpaan <i>Meet & Greet</i> Ahli)	7
Mesyuarat (Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4)	9
Mesyuarat (Mesyuarat Majlis & Mesyuarat Pengurusan)	15
Mesyuarat (Mesyuarat JKK Pendanaan & Mesyuarat JKK Komunikasi Korporat)	16
Syarahan Tamu GE15 and Beyond: Coalition Politics and Nation- Building in Post Majoritarianism Malaysia)	17
Wacana Kluster (KESK: Pandemik Ke Endemik Cabaran Kelangsungan Hidup Keluarga Malaysia)	18
Persidangan Meja Bulat (KKSPN: Bersama Pupuk Kesefahaman dan Perpaduan, Cegah Kecenderungan Ekstremisme Kaum dan Agama)	19
Penerbitan (Media Massa) Tajuk: Jangan Kompromi Dalang Sebar Naratif Kebencian Sumber: Berita Harian 10 Disember 2022	20
Penerbitan (Temu Bual) Tajuk: Cerun Buatan Gagal Akibat Resapan Air Hujan Sumber: Berita Harian 17 Disember 2022	21
Ucapan Tahniah	22
Poster Aktiviti & Program APM	24
Keahlian: Status 31 Disember 2022	25
Sertai Kami	26

Sidang Redaksi



PENASIHAT

Prof. Emeritus Dato' Dr. Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim



KETUA EDITOR

Prof. (Bersara) Dr. Rose Alinda Alias



EDITOR | REKA BENTUK GRAFIK

Beatrice Anne Saga



PEMBANTU PENERBITAN

Nai'mah Isa

JURUFOTO

Sekretariat APM

Buletin Akademi Profesor Malaysia (APM) diterbitkan secara berkala setiap 3 bulan, sebagai platform hebahan maklumat dan aktiviti APM kepada pihak berkepentingan.

Kata Alu-Aluan Presiden

**Assalamualaikum
Wabarakatuh.**

Warahmatullahi

Syukur ke hadrat Ilahi kerana buat julung kalinya APM telah mengeluarkan buletin APM sebagai satu langkah berkongsi maklumat program dan aktiviti APM kepada umum. Buletin ini diaspirasikan oleh semua ahli yang ingin melihat APM sebagai satu pertubuhan yang memberi impak kepada masyarakat dan pihak berkepentingan.

APM fokus dengan misi APM iaitu sebagai pembekal input dasar utama dan advokasi kesejahteraan masyarakat berdasarkan fakta dan kebenaran serta semak dan imbang yang efektif terhadap formulasi dan pelaksanaan dasar kerajaan dan negara.



**Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh
Jaafar
Presiden
Akademi Profesor Malaysia**

Pada suku ke4 tahun pertama sesi 2021/2023, APM telah melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) kali ke4 (MAT4) secara bersemuka pada 29 Oktober 2022 di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia. MAT4 turut mengusulkan Pindaan Perlembagaan APM selain daripada pembentangan Laporan Tahunan. APM memanfaatkan MAT4 dengan menganjurkan sesi Meet & Greet antara Ahli Majlis bersama Ahli APM sebelum mesyuarat MAT4 bermula. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) telah meluluskan Pindaan Perlembagaan APM pada 19 Disember 2022.

Saya bersyukur APM telah berjaya melakukan kunjungan hormat ke atas Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Chang Lih Kang, pada 28 Disember 2022. Delegasi APM terdiri dari Presiden, Timbalan Presiden, Bendahari, Setiausaha Agung, dan wakil Pengerusi Kluster STI. APM juga telah melaksanakan Perbincangan Meja Bulat (RTD) secara dalam talian, pada 15 Disember 2022, yang di kelolakan Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional (KSPN). Satu kertas putih akan diserahkan kepada Kementerian Perpaduan Negara sebagai input dasar.

Besar harapan saya agar buletin ini menjadi rujukan semua pihak berkepentingan dan mendapat sokongan semua ahli APM. Penerbitan buletin APM secara berkala setiap suku tahun mampu mengintegrasikan pandangan ilmiah para profesor dan menyebarkan perspektif akademik untuk memberi pencerahan kepada masyarakat dan pembuat dasar tentang isu-isu strategik negara serta mengusulkan langkah penyelesaian.

Kunjungan Hormat

YB Menteri Sains, Teknologi & Inovasi: YB Chang Lih Kang
28 Disember 2022 | 3.00 petang



"APM Penggerak Pembudayaan STI "

AGENDA

1. Peranan APM dalam Sains, Teknologi dan Inovasi di Malaysia.
2. Penekanan bahawa STI meresap dalam setiap aspek pembangunan Malaysia dan membawa manfaat yang besar kepada kemakmuran ekonomi dan masyarakat negara.
3. Sokongan APM terhadap MOSTI dalam memastikan manfaat STI sampai ke setiap sektor di Malaysia.

DELEGASI APM:

1. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar
2. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo
3. Prof (B). Dr. Rose Alinda Alias
4. Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin
5. Prof. Dr. Ida Idayu Muhammad

Kunjungan Hormat ke atas Menteri Sains, Teknologi & Inovasi



Tiga (3) isu utama yang dicadangkan:

1. Pembudayaan STI di kalangan semua pihak berkepentingan, termasuk semua lapisan masyarakat dan STI menyokong semua fungsi teras kementerian.
2. STI memberi manfaat kepada ekonomi dan masyarakat.
3. Mengenal pasti 3-5 projek (low-hanging fruit) atau projek yang mudah serta dekat dengan dasar STI bagi menyakinkan masyarakat, industri dan kerajaan.

Contohnya: Rangkaian Penyelidikan Perkongsian Awam Swasta (model PPRN) yang telah berjaya dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum ini.

APM berperanan dalam memperkemas dan menyatukan lebih daripada 20 dasar STI dalam laman web dasar. Projek perintis boleh diterajui oleh MOSTI.



Meet & Greet Ahli

Tarikh: 29 Oktober 2022 | **Masa:** 11.00 Pagi – 1.00 Petang

Tempat: Bilik Eksekutif, Tingkat 2, Blok G, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, UKM



Kata-kata aluan daripada
Presiden
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh
Jaafar



Pengenalan Felo oleh
SUA
Prof (B). Dr. Rose Alinda
Alias



Sesi sumbang saran
dikendalikan oleh
Presiden, Timbalan
Presiden, Bendahari dan
SUA.



Prof. Dr. Chin Yee Whah memperkenalkan
Timbalan Pengerusi Kluster
Kluster Kesepaduan Sosial
& Perpaduan Nasional



Sesi sumbang saran bersama ahli-ahli APM



Dari Kiri: Pengerusi Kluster KSPN, Tim Presiden APM, Presiden APM, Tim
Pengerusi Kluster KSPN & Pengerusi JKK2 Komunikasi Korporat, Jaringan &
Hubungan Luar

Meet & Greet Ahli Sumbang Saran Ahli APM

1. Membawa kertas cadangan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi tentang penggunaan gelaran Profesor selepas bersara.
2. Meluaskan aktiviti jaringan kepada lebih banyak Agenda supaya impak dan keterlihatan APM lebih terserlah.
3. Penerbitan jurnal APM

KEHADIRAN

- Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo
- Prof (B). Dr Rose Alinda Alias
- Prof. Dr. Khairiyah Mohd Yusof
- Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin
- Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Bin Mohd Amin
- Prof. Dato' Ir. Dr. Mahyuddin Ramli
- Prof. Dr. Chin Yee Whah
- Prof. Dato' Sri. Dr. Daing Mohd Nasir Bin Daing Ibrahim
- Prof. Emeritus Chamhuri Siwar
- Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof
- Prof. Dr. Sarjit Singh A/L Darshan Singh
- Prof. Ir Eurlng Ts. Dr. Vinesh Thiruchelvam
- Prof. Madya Dr. Noor Azilah Mohd Subari
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Tengku Mohd Tengku Sembok
- Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Othman A Karim
- Prof. Dr. Noorliza Mohd Noor
- Prof. Ir. Ts. Dr. Muzamir Isa
- Prof. Ts. Dr. Mohd Nazri bin Kama
- Prof. Dr. Azman bin Hassan
- Prof. Ts. Dr. Ali Selamat
- Prof. Dr. Mustafa Din Subari
- Dato' Akhtar Zainudin
- Prof. Madya Dr. Noorminshah A. Iahad
- Dr. Tan Hoi Piew

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 (MAT4)

Tarikh: 29 Oktober 2022 | **Masa:** 2.00 – 5.00 Petang

Tempat: Bilik Mesyuarat 1, Blok A, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia



Mesyuarat dimulakan dengan ucapan daripada Presiden APM, Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar. Presiden menjelaskan bahawa program dan aktiviti APM berfokus kepada beberapa isu-isu semasa negara seperti:

- Isu banjir
- Isu sekuriti makanan
- Isu pendidikan
- Isu kesihatan

Program dan aktiviti ini digiatkan oleh kluster melalui pelaksanaan wacana dan penerbitan di media massa.

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 (MAT4)

1

Laporan Tahunan APM

Bagi tahun pertama sesi 2021/2023 dibentangkan oleh Setiausaha Agung, Prof (B). Dr. Rose Alinda Alias, merangkumi perkara-perkara berikut:

- Pengukuhan tadbir urus,
- Pertambahan keahlian,
- Pemerkasaan kluster dan pengkelasan domain ilmu,
- Penyelarasan program dan aktiviti
- Pengurusan sumber manusia.
- Pencapaian setiap program dan aktiviti.

2

Laporan Kewangan

Laporan Kewangan tahun 2021 telah dibentangkan oleh Bendahari, Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin yang merangkumi jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan dan jumlah aset semasa APM. Untuk makluman, APM telah melabur di Bank Persatuan Putrajaya dengan jumlah pelaburan sebanyak RM600,000.00.

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 (MAT4)

3

Pindaan Perlembagaan

Agenda pindaan Perlembagaan yang diusulkan oleh SUA. Beberapa pindaan yang mustahak telah dibincangkan dan dipersetujui seperti:

- Fasal 2 (Tempat Urusan), Perkara (1): Pertukaran alamat operasi dan surat menyurat APM.
- Fasal 4 (Keahlian), Perkara (2): Pindaan Pada Takrifan Kategori Keahlian
- Fasal 4 (Keahlian), Perkara (6): Pindaan Kepada Cara Perlantikan Keahlian Felo.
- Fasal 7 (Mesyuarat Agung), Perkara (3): Pindaan Pada Cara Perlaksanaan MAT iaitu secara fizikal, hibrid dan atas talian.
- Fasal 8 (Jawatankuasa), Perkara (5): Pindaan Kepada Korum Pelaksanaan Mesyuarat dan Keputusan Mesyuarat.
- Fasal 14 (Penasihat/Penaung), Perkara (1): Pindaan Kepada Pemilihan Penasihat Pertubuhan.

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 (MAT4)

4 Kehadiran

Bil.	Nama	No. Keahlian
1	Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar	FAPM0001
2	Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo	FAPM0025
3	Prof (B). Dr. Rose Alinda Alias	FAPM0022
4	Prof. Dr. Khairiyah Mohd Yusof	FAPM0013
5	Prof. Dr. Abdullah Mohd Zin	FAPM0007
6	Prof. Emeritus Dato' Seri Dr. Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim	FAPM0002
7	Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin	FAPM0037
8	Prof. Dato' Dr. Mahyuddin Ramli	FAPM0048
9	Prof. Dr. Chin Yee Whah	FAPM0053
10	Prof. Emeritus Chamhuri Siwar	FAPM0055
11	Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof	FAPM0061
12	Prof. Emeritus Dato' Dr. Tengku Mohd Tengku Sembok	FAPM0006
13	Prof. Dr. Mustafa Din Subari	FAPM0008
14	Prof. Dr. Azman Hassan	FAPM0065

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 (MAT4)

5**Kehadiran**

Bil.	Nama	No. Keahlian
15	Prof. Dato' Dr. Mohd Ali Hassan	FAPM0016
16	Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Othman A Karim	FAPM0017
17	Prof. Dr. Sahrim Hj Ahmad	FAPM0023
18	Prof. Ts. Dr. Ali Selamat	FAPM0033
19	Prof. Dr. Norliza Mohd Noor	FAPM0041
20	Prof. Dr. Norhayati Ahmad	FAPM0064
21	Prof. Dr. Zaleha Abdullah Mahdy	MAPM0296
22	Prof. Zamri Mohamed	MAPM0077
23	Prof. Dr. Sarjit Singh Darshan Singh	MAPM0191
24	Prof Ir Eurlng Ts Dr Vinesh Thiruchelvam	MAPM0199
25	Prof. Dr. Victor Feizal bin Knight Victor Ernest @ Abd Shatar	MAPM0203
26	Dr. Tan Hoi Piew	AMAPM153
27	Prof. Madya Dr. Noor Azilah Mohd Kasim	AMAPM019
28	Prof. Ts. Dr Muzamir Isa	AMAPM069

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 (MAT4)

6


Kehadiran

Bil.	Nama	No. Keahlian
29	Dato' Akhtar Zainuddin	AMAPM082
30	Prof. Madya Dr. Noorminshah A.iahad	AMAPM119
31	Prof. Dato' Dr. Jafri Malin Abdullah *	FAPM0034
32	Datuk Dr. Harlina Halizah Hj Siraj *	FAPM0062
33	Prof. Dr. Mohd Effendy Abd Wahid *	FAPM0063
34	Prof. Dr. Suhaimi Mhd Sarif *	MAPM0259
35	Prof. Madya Dr. Chee Hui Yee *	AMAPM010
36	Prof. Madya Dr. Tee Boon Tuan *	AMAPM032

***hadir bersama secara atas talian**

(<https://ukm-edu-my.zoom.us/j/96342412372?pwd=OXkzZEVwQ3FKY1NPTXdMeFJlbUhUdz09>)

Mesyuarat Majlis & Pengurusan



1 Mesyuarat Majlis

- Mesyuarat Majlis APM dijadualkan pada setiap hari Jumaat minggu kedua setiap empat (4) bulan.
- Mengikut Perlembagaan APM, Majlis APM perlu bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dalam setahun.
- Untuk penggal pertama tahun kedua sesi, Mesyuarat Majlis telah diadakan pada 9 Disember 2022.

Mesyuarat Majlis dilaksanakan bagi membincangkan:

- Keputusan-keputusan besar yang perlu dibuat oleh Pengurusan APM.
- Laporan Keahlian dan Laporan Kewangan setiap penggal menjadi agenda tetap Mesyuarat Majlis di samping agenda-agenda lain yang memerlukan perbincangan daripada Ahli Majlis.
- Setiap keputusan daripada Mesyuarat Majlis adalah muktamad dan perlu digerakkan untuk kelancaran perancangan APM.

2 Mesyuarat Pengurusan

Mesyuarat Pengurusan APM telah dijadualkan pada hari Jumaat pertama setiap bulan.


- Untuk penggal pertama tahun kedua sesi 2021/2023, Pengurusan APM telah bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada 7 Oktober 2022, 7 November 2022 dan 3 Disember 2022.

Mesyuarat Pengurusan APM dilaksanakan bagi:

- Memastikan perancangan dan gerak kerja APM berada dalam keadaan yang terbaik.
- Perbincangan dilakukan bagi perkara-perkara berbangkit dengan nasihat daripada Presiden dan Timbalan Presiden APM.

Laporan Keahlian dan Laporan Kewangan adalah menjadi agenda tetap bagi Mesyuarat Pengurusan di samping agenda-agenda lain mengikut keperluan. Setiap keputusan yang memerlukan pandangan daripada Majlis akan dibawa ke Mesyuarat Majlis untuk perbincangan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja



1 JKK1 Pendanaan



Prof. Emeritus Dato' Dr.
Ibrahim Komoo
Pengerusi



Prof. Dr. Abdullah
Mohd Zin



Prof. Emeritus Dato' Sri
Daing Mohd
Nasir Daing Ibrahim



Prof. Dr. Rosylin
Mohd Yusof



Prof. Dr.
Suhaidi Hassan



Prof. Dato' Dr.
Mustafa Mohd Hanefah

JKK1 berfokus kepada usaha pendanaan dan kelestarian kewangan APM. Antara hasil dan saranan daripada JKK1 ialah:

1. Olimpik Kebangsaan Akademi Profesor Malaysia
2. Program Pembangunan Profesional Berterusan
3. Tajaan Program APM
4. Pelaburan Fixed Deposit (FD) di Bank Persatuan, cawangan Putrajaya

2 JKK2 Komunikasi Korporat, Jaringan dan Hubungan



Prof. Emeritus Dato' Sri Daing Mohd
Nasir Daing Ibrahim
Pengerusi




Prof (B). Dr. Rose
Alinda Alias



Prof. Dr. Khairiyah
Mohd Yusof



Prof. Ts. Dr. Mohamad
Kamal Harun



Prof. Dato' Dr.
Norzaini Azman



Prof. Dr.
Azmawani Abd Rahman



Prof. Dr.
Muhammad Shamsir

JKK2 berfokus kepada komunikasi dengan pemegang taruh dalaman dan luaran dan perancangan strategik bagi mencapai visi dan misi APM. JKK2 juga menumpukan aspek jaringan dan hubungan luar agar fungsi dan peranan APM dapat disebarluaskan dan memberi manfaat kepada banyak pihak.

Antara hasil dan saranan JKK2 ialah:

1. Penghasilan Standard Corporate Kit
2. Meet & Greet
3. Onboarding Ahli Lama dan Baharu
4. Emel berstruktur secara berkala
5. Bengkel Penulisan

Syarahan Tamu

Prof Dr. Wong Chin Huat, Sunway University

APM GUEST LECTURE SERIES
GE15 AND BEYOND:
COALITION POLITICS AND
NATION-BUILDING IN
POST MAJORITARIANISM MALAYSIA

9 NOVEMBER 2022
WEDNESDAY
10 AM - 12 PM

Speaker
Prof. Dr. Wong Chin Huat
Deputy Head (Strategy), United Nations Sustainable Development
Solutions Network Asia Headquarters, Sunway University

Opening Remarks
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar
President of APM

Moderator
Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
CEO of Institute of
Comparing Education and
Professional Studies UiTM

Discussant
Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani
Professor in Politics and
International Relations, UiTM
College of Law, Government
and International Relations
& Member of APM

Discussant
Dr. Francis Loh Kok Wah
Former Professor of
Politics UTM & Senior
Adviser, Forum of
Federations (Ottawa)

ZOOM REGISTRATION
<https://bit.ly/3xAT0Bv>
YOUTUBE LIVE
<https://bit.ly/3pHK4EG>

Scan to register!
APM members will be given
priority for Zoom admission

Organised by:
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA
<https://www.akademiprofesor.org.my/>

GE15 And Beyond: Coalition Politics and Nation- Building in Post Majoritarianism Malaysia

"Going beyond GE15, decentralization needs to be dealt with very carefully. The rise of East Malaysia is inevitable and is welcomed, but it should be honestly and prudently managed."

Majoritarianism in simple terms means that the winner will take all and a large part of great political scientists' proposed prototypes of democracy one is majority Trion and the other one is consensus.

Collision building in the comparative term, collision means post-election relations meaning the parties members of the collisions were competitors in the elections they formed collision only after the election to either be the government in most cases, in some cases to be a legislative pack or Alliance. Nation-building can mean a wide range of things from very accommodative integrations to some cohesive assimilation.

-Prof. Dr. Wong Chin Huat-
(Speaker)

Despite having a hung parliament, we will be quite stable. I think the reverse could be true because the difference between our country and those countries is that they have many other stable institutions, and we do not. PH's term in office was only less than two years. Hence, it didn't have much opportunity and time to reform our institutions.

-Dr. Francis Loh Kok Wah-
(Discussant 3)

When we talk about political stability is there compared to many other nations which are in trouble? We used to be compared with Sri Lanka previously, but somehow we never replicated Sri Lanka because we are very stable.

What we expect I think is going to be a super Grand Coalition, because we already have a Grand Coalition and we are one of the unique countries in the world where the Grand Coalition created before the election

-Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani-
(Discussant 2)

Wacana Kluster

Kluster Ekonomi dan Kesejahteraan Sosial (EKS)

WACANA AKADEMI PROFESOR

**PANDEMIK KE ENDEMIK
CABARAN KELANGSUNGAN
HIDUP KELUARGA MALAYSIA**

Panelis

Prof. Datuk Dr. Hj. Rohaizat Hj. Yon
Pensyarah dan Konsultan Pakar Perubatan
Sihat dan Kesihatan Awam, Management & Science
University (MSU) (Mantan Timbalan Ketua
Pengarah Kesihatan KKM)

Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Mazlan
Pengarah, Institut
Pertumbuhan Mapan dan
Pembangunan Bandar,
UUMKL

Prof. Dr. Nor Aishah Buang
Ahlil APM & Profesor
di Universiti
Kebangsaan
Malaysia (UKM)

Ucapan Aluan dan Moderator

Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof
Pengerusi Kluster Ekonomi dan Kesejahteraan
Sosial, APM dan Dekan Pusat Pengajian Perniagaan
Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM)

e-sijil disediakan

13 OKTOBER 2022 (KHAMIS)
10.00 AM - 12.00 PM

PENDAFTARAN ZOOM
<https://bit.ly/3RLXnR7>

YOUTUBE LIVE
<https://bit.ly/3pHK4EG>

www.akademiprofesor.org.my | ANJURAN KLUSTER EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL, APM

Pandemik Ke Endemik Cabaran Kelangsungan Hidup Keluarga Malaysia

"Hidup bersama Covid-19 pada masa akan datang bukan satu isu yang baru lagi. Seperti penyakit wabak yang lain, kita kena teruskan perjuangan untuk kelestarian kewangan, pendidikan, ekonomi dan kelangsungan keluarga Malaysia kita dan bersama-sama berjuang supaya kita dapat memacukan kesejahteraan hidup kearah yang lebih baik."

-Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof-
(Moderator)

Peralihan ke fasa endemik telah bermula di Malaysia pada 1 April 2022 dan fasa ini merupakan *exit strategy* untuk membolehkan kita semua kembali kepada kehidupan yang hampir normal. Endemik merujuk kepada situasi dimana virus masih wujud tetapi merebak pada tahap yang lebih rendah dan berkemungkinan berlaku peningkatan bermusim dan wabak masih berlaku contohnya Denggi. Penyakit yang endemik juga masih memerlukan program kawalan penyakit yang mantap untuk mengurangkan jangkitan morbiditi dan kematian.

-Prof. Datuk. Dr. Hj Rohaizat Hj Yon-
(Panel 1)

"Kesejahteraan Ekonomi dan Daya Tahan Kewangan (Financial Resilience) Rakyat di Lembah Klang," menunjukkan bahawa segi klasifikasi pendapatan isi rumah, seiling untuk pendapatan isi rumah berbeza mengikut kawasan.

-Prof Madya Dr. Ahmad Rizal Mazlan-
(Panel 2)

Kelestarian kewangan dan persediaan ekonomi selepas Covid-19 dilihat daripada tiga aspek iaitu pertama aspek pendidikan, aspek kebolehkeraan, dan aspek kesihatan.

-Prof. Dr. Nor Aishah Buang-
(Panel 3)

Perbincangan Meja Bulat (RTD)

RTD Kluster

Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional (KSPN)

Bersama Pupuk Kesefahaman dan Perpaduan, Cegah Kecenderungan Ekstremisme Kaum dan Agama

Tarikh: 15 Disember 2022

Masa: 10AM-12PM

Platform: Zoom

Perbincangan meja bulat merupakan perbincangan bersifat tertutup bagi sesuatu topik yang dilaksanakan diperingkat pusat dan kluster. Perbincangan meja bulat ini di dihadiri oleh satu kumpulan pakar yang bertujuan untuk menghasilkan kertas putih berkaitan dasar.

RTD anjuran Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan kali ini membincangkan satu topik yang tidak asing lagi di Malaysia iaitu Bersama Pupuk Kesefahaman dan Perpaduan, Cegah Kecenderungan Ekstremisme Kaum dan Agama. Tujuh orang panel yang terdiri daripada:

1. Encik Zulkifli Hashim
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional)
2. Prof. Dr. Mansor Mohd Noor
(Profesor Kehormat, Institut Kajian Etnik (KITA), UKM)
3. Prof. Dr. Francis Loh Kok Wah
(Mantan Profesor Politik USM & Penasihat Kanan, Forum Persekutuan, Presiden ALIRAN.
4. Prof. Dato' Dr. Madeline Berma
(Felo Akademi Sains Malaysia)
5. Prof. Datin. Dr. Faridah Jalil
(Profesor Fakulti Undang-Undang, UKM).
6. Prof. Dr. Sivamurugan Pandian
(Profesor Sosiologi Politik, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM).
7. Prof. Dr. Sarjit Singh A/L Darshan Singh
(Profesor Fakulti Ekologi Manusia, UPM).



Media Massa

Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional (KSPN)

Tajuk: Jangan Kompromi Dalam Sebar Naratif Kebencian

Sumber: Berita Harian | 10 Disember 2022

Oleh:

Prof. Dr. Chin Yee Whah,

Pengerusi Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional,
Akademi Profesor Malaysia

Pautan:

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/12/1034258/jangan-kompromi-dalam-sebar-naratif-kebencian>

Jangan kompromi dalam sebar naratif kebencian

Oleh Prof Dr Chin Yee Whah
bhrencana@bh.com.my



Profesor Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pengerusi Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional, Akademi Profesor Malaysia

Sentimen perkauman dan agama ketika Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) mencapai satu tahap genting bagi negara kita. Dua minggu sebelum hari pengundi, sudah ada penyebaran klip video amat mengancam ketenteraman negara kerana naratif benci hingga mahu melakukan tindakan ganas terhadap sebahagian rakyat di negara ini.

Pihak yang menyebarkan video itu sudah meminta maaf dan kesal atas perbuatannya, tetapi ia perlu dijadikan peringatan supaya masyarakat kita bertanggungjawab serta mengawal emosi supaya tidak begitu mudah menyebarkan sentimen perkauman dan agama.

Sebenarnya, yang lebih membimbangkan ialah wujud penyaluran penyebaran video ganas rusuhan kaum 13 Mei selepas dua hari pengundian. Video ini juga didapati hasil kerja upah pihak tertentu.

Video yang mengemukakan naratif takut dan benci disasarkan kepada penonton Melayu-Islam, mendakwa penguasaan politik DAP, anti-DAP dan anti-Cina.

Naratif takut dan benci ini merebak begitu cepat seperti api liar mengancam keharmonian, ketenteraman dan keselamatan awam. Orang ramai emas dengan kempen penyebaran maklumat media sosial yang diselaras dengan teratur untuk menjana ketakutan selepas PRU15.

Ia mencapai satu tahap genting sehingga media sosial TikTok terpaksa mengeluarkan kandungan menyebarkan kebencian dan menghasut keganasan. Demi mengelakkan perkara negatif daripada berulang, pihak berkuasa mesti membuat siasatan untuk mengenal pasti dalang mengupah, mengarah dan menyelaras naratif kebencian serta menghasut keganasan berkenaan.

Ketika sentimen perkauman dan agama mencapai kemuncaknya, polis sepatutnya mengambil tindakan pantas serta tegas terhadap pengguna media sosial memuat naik video naratif penuh kebencian dengan melakukan penyiasatan serta menahan pengguna media sosial yang bertanggungjawab.

Pada masa sama, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu mengambil tindakan segera dan tidak berkompromi memberhentikan penyebaran sentimen yang sudah mencapai tahap amat berbahaya.

Adalah disyorkan usaha perlu dilaksanakan supaya pemimpin dan ahli parti politik serta penyokong mereka tidak mengeluarkan dan menyebarkan sentimen perkauman dan agama.

Kawalan ketat perlu diwujudkan terhadap penggunaan media sosial supaya dapat mencegah penularan sentimen ekstremis pasca-PRU15.

guna media sosial supaya dapat mencegah penularan sentimen ekstremis pasca-PRU15.

Permohonan maaf secara terbuka

Pada masa sama, adalah mengagumkan kerana ada dalam kalangan pemimpin yang membuat permohonan maaf secara terbuka kepada musuh politik mereka ketika negara kita begitu memerlukan mereka.

Ia petanda baik bahawa ahli politik meletak kepentingan negara di atas parti dan kepentingan diri. Pemimpin parti politik lain yang menuduh musuh politik mereka yang tidak berasaskan kebenaran diharapkan meminta maaf secara terbuka kepada parti lawan supaya negara kita dapat dipertaut menjadi satu bangsa Malaysia yang kukuh.

Pihak media juga mempunyai peranan amat penting dalam melawan tuduhan palsu dan menyampaikan fakta sebenar kepada rakyat. Dalam hal ini media dapat membantu menegakkan kebenaran yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik.

Perdana Menteri baharu mempunyai tugas amat berat untuk menyatukan negara yang ketika ini amat berpolarisasi dan berpecah belah. Selain menggunakan sumber sedia ada kerajaan, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu membabitkan pihak akademik, pakar serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan untuk mencari penyelesaian berkesan untuk mengukuhkan kesepaduan sosial serta perpaduan nasional.

Demi mengukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum dan agama, mencegah penularan sentimen ekstremis pasca-PRU15, setiap rakyat mempunyai tanggungjawab dengan amalan paling asas untuk merapatkan hubungan adalah dengan menghayati dan menjunjung prinsip dalam Rukun Negara.

Temu Bual

Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian (ASK)

Tajuk: Cerun Buatan Gagal Akibat Resapan Air Hujan

Sumber: Berita Harian | 17 Disember 2022

"Perlu ada garis panduan yang jelas disediakan untuk pembangunan bagi tapak perkhemahan ini ataupun tempat rekreasi lain yang boleh mengundang risiko yang sama"

-Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Pengerusi Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian (ASK), APM-

Cerun buatan gagal akibat resapan air hujan

Putrajaya: Kejadian tanah runtuh di kawasan tapak perkhemahan di Batang Kali, pagi semalam berlaku pada cerun buatan atau cerun tambakan jalan di kawasan bukit batuan granit.

Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Komoo, berkata ketika musim hujan, air permukaan yang banyak meresap ke dalam cerun sering menyebabkan kegagalan cerun.

"Berdasarkan maklumat sedia ada, banyak kejadian tanah runtuh berlaku di cerun tambakan sepanjang jalan raya di kawasan bukit atau pergunungan di Malaysia.

"Kebanyakan kejadian menyebabkan kerosakan jalan, ada yang terputus atau separuh runtuh. Lazimnya, tidak menyebabkan kematian kerana tiada penghuni di kaki tanah runtuh.

"Bencana kali ini amat malang kerana 'kebetulan' terdapat kawasan perkhemahan sekitar 100 meter di bawah tanah runtuh (30 meter di bawah paras jalan)," katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Beliau berkata, ketika kejadian juga, difahamkan terdapat 94 orang yang sedang tidur di dalam khemah di kawasan itu.

Ibrahim berkata, tanah runtuh diikuti dengan aliran tanah menyebabkan kawasan perkhemahan itu tertimbus dengan runtuhan tanah.

"Bencana ini berlaku pada cerun buatan (cerun tambakan, dan pembersihan ladang)," katanya.

Beliau turut menggesa supaya pihak berkuasa menyediakan garis panduan berkaitan pembangunan di kawasan rekreasi atau perkhemahan terutama di lereng bukit.


"Perlu ada garis panduan yang jelas disediakan untuk pembangunan bagi tapak perkhemahan ini atau pun tempat rekreasi lain yang boleh mengundang risiko sama," katanya.

Bencana ini berlaku pada cerun buatan (cerun tambakan, dan pembersihan ladang)

Ibrahim Komoo,
Ketua Kluster Alam
Sekitar dan
Kelestarian, APM



Ucapan Tahniah



TAHNIAH


YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Perdana Menteri Malaysia Ke-10

tulus ikhlas

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Ucapan Tahniah




SEKALUNG
Tahniah

YBM DATUK SERI MOHAMED KHALID NORDIN

atas pelantikan sebagai

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



SEKALUNG
Tahniah

YB CHANG LIH KANG

atas pelantikan sebagai

MENTERI SAINS DAN TEKNOLOGI

ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Poster Aktiviti & Program APM



WACANA AKADEMI PROFESOR

PANDEMIK KE ENDEMIK CABARAN KELANGSUNGAN HIDUP KELUARGA MALAYSIA



Prof. Datin Dr. H. Rohaizat Hj. Yon
Profesor dan Konsultan Pakar Perubatan
Kesihatan Awam, Management & Science
University (MSU) (Mantan Timbalan Ketua
Pegawai Kesihatan KKM)



Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Mazlan
Pegawai, Institut
Pertumbuhan Mapan dan
Pembangunan Bandar,
UUMKL



Prof. Dr. Nor Aishah Buang
Ahli APM & Profesor
di Universiti
Kebangsaan
Malaysia (UKM)



Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof
Pengerusi Kluster Ekonomi dan Kesejahteraan
Sosial, APM dan Dekan Pusat Pengajian Perniagaan
Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Ucapan Aluan dan Moderator

e-sijil disediakan



13 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

10.00 AM - 12.00 PM

PENDAFTARAN ZOOM
<https://bit.ly/3RLXnR7>

YOUTUBE LIVE
<https://bit.ly/3pHK4EG>

www.akademiprofesor.org.my | ANJURAN KLUSTER EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL, APM



APM GUEST LECTURE SERIES

GE15 AND BEYOND: COALITION POLITICS AND NATION-BUILDING IN POST MAJORITARIANISM MALAYSIA



Speaker
Prof. Dr. Wong Chin Huat
Deputy Head (Strategy), United Nations Sustainable Development
Solutions Network Asia Headquarters, Sunway University

**9 NOVEMBER 2022
WEDNESDAY
10 AM - 12 PM**



Opening Remarks
Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar
President of APM



Moderator
Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
CEO of Institute of
Continuing Education and
Professional Studies UiTM



Discussant
Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani
Professor in Politics and
International Relations, UUM
College of Law, Government
and International Relations
& Member of APM



Discussant
Dr. Francis Loh Kok Wah
Former Professor of
Politics USM & Senior
Adviser, Forum of
Federations (Ottawa)

ZOOM REGISTRATION
<https://bit.ly/3zAT0Bv>
YOUTUBE LIVE
<https://bit.ly/3pHK4EG>

Scan to register!

APM members will be given
priority for Zoom admission



Organised by:
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

<https://www.akademiprofesor.org.my/>



SIDANG MEJA BULAT (RTD)

BERSAMA PUPUK KESEFAHAMAN DAN PERPADUAN, CEGAH KECENDERONGAN EKSTREMISME KAUM DAN AGAMA

**KHAMIS
15
DISEMBER
2022**

**10:00AM - 12:00PM
ZOOM MEETING**



Kata Aluan
Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo
Timbalan Presiden APM



Moderator
Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong
FELO APM



Prof. Dr. Sarjit Singh A/ Darshan Singh
Profesor Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia



Prof. Datin Dr. Faridah Jalli
Profesor Fakulti
Undang-Undang, Universiti
Kebangsaan Malaysia



Prof. Dato' Dr. Madeline Berma
Felo Akademik Sains Malaysia



Prof. Dr. Sivamurugan Pandian
Profesor Sosiologi Politik, Pusat
Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia



Prof. Dr. Mansor Mohd Noor
Profesor Kehormat, Institut Kajian
Etnik (KITA),
Universiti Kebangsaan Malaysia



En. Zulkifli Hashim
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional (DPNIN)

*Persempadanan TERHAD:
ANJURAN KLUSTER
KESEPAKATAN SOSIAL DAN PERPADUAN NASIONAL
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia

Keahlian Status 31 Disember 2022

- APM mempunyai tujuh (7) orang Felo Kehormat dan 64 orang Felo.
- Ahli Biasa APM ialah 248 orang, dengan peningkatan sebanyak 25.8% daripada sesi yang lepas.
- Ahli Bersekutu APM terkini ialah seramai 158 orang, dengan peningkatan sebanyak 46.3% daripada sesi yang lepas.

Pertambahan ahli untuk suku keempat tahun pertama adalah seperti jadual di bawah.

Kategori Keahlian	Oktober 2022	November 2022	Disember 2022	Jumlah
Ahli Biasa	4	2	0	6
Ahli Bersekutu	2	5	2	9
Jumlah Keseluruhan				15

Borang Permohonan & Kemaskini Keahlian

Borang keahlian Akademi Profesor Malaysia juga boleh dimuat turun di <https://www.akademiprofesor.org.my/keahlian.php>

Borang Kemaskini Maklumat Ahli Akademi Profesor Malaysia (APM) Sesi 2021/2023

Borang ini bertujuan untuk mengemaskini maklumat Keahlian Ahli APM bagi menghasilkan Profil Ahli untuk pelbagai tujuan seperti Laman Web APM dan Penerangan Keahlian APM.

bit.ly/3ZnPROq

Sertai Kami di APM!



Akademi Profesor
MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai satu badan bukan kerajaan (NGO). Ia merupakan satu wadah Pemikir Negara yang menggembeng dan menyatu pemikiran strategik para profesor dan ilmuwan bagi membangun masyarakat dan negara. Antara fungsinya termasuklah menjadi wadah pemikir negara dan pakar rujuk, melaksanakan penyelidikan yang bersifat *foresighting*, menganjurkan wacana bitara ilmiah, memajukan integriti akademik dan governans pendidikan negara, serta melaksanakan fungsi semak dan imbang.

Daftar Keahlian

1. Ahli Biasa: Profesor



<http://bit.do/mapmp>

2. Ahli Bersekutu: Profesor Madya



<http://bit.do/amapmp>

IKUTI KAMI DI:



Akademi Profesor Malaysia

HUBUNGI KAMI:



sua@akademiprofesor.org.my, akademiprofesor@gmail.com



011-28005741 (Pn. Nai'mah Isa)

HUBUNGI KAMI

PERTUBUHAN AKADEMI PROFESOR MALAYSIA
M-2-08, Conezion Commercial, Persiaran IRC 3,
IOI Resort City, 62502 Putrajaya.

Tel: +603-8685 4459 +6011 2800 5741

Emel1: sua@akademiprofesor.org.my

Emel2: akademiprofesor@gmail.com



<https://www.akademiprofesor.org.my/>



<https://www.facebook.com/akademiprofesormalaysia>



<https://www.youtube.com/@akademiprofesormalaysia5773>



Akademi Profesor
MALAYSIA
